



BULETIN JKSM

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
(JABATAN PERDANA MENTERI)

ISSN-1511-7839

Bilangan 49 (September 2008 Ramadhan 1429H)

Dirasmikan

Y. B. Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

Ta
Mi
Te

MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN TAHUNAN
PEGAWAI SYARIAH SELURUH MALAYSIA KALI KE-10

Dirasmikan Oleh :

Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

Tarikh : 27 Ogos 2008 bersamaan 25 Syaaban 1429H

PERSIDANGAN TAHUNAN
PEGAWAI SYARIAH SELURUH MALAYSIA
KALI KE 10 TAHUN 2008





dari
ketua
pengarang

sidang
redaksi

JAUHI AMALAN RASUAH

PENAUNG / PENASIHAT

Y.A.A. Datuk Haji Ibrahim bin Lardut
Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syariah
JKSM

KETUA PENGARANG

Tuan Mohamad bin Haji Abdulreh

SIDANG PENGARANG

Tuan Mohd Anwar bin Mar Zam
Tuan Khairul Nizam bin Zainon
Tuan Haji Nassir bin Hj. Abdul Aze
Tuan Haji Mohamad Adib bin Husain
Tuan Adam bin Fauzan
Tuan Mohd Asa bin Bahar
Tuan Rozman bin Maj Sidik
Encik Azmei Hj. Husain

PRODUKSI DAN HEDARAN

Encik Mohamad Nor bin Abu Bakar
Cik Zainab binti Zulkarnain

JURUCAMBAR

Encik Anuar bin Hj. Idris
En Nor Mahad bin Awabuddin

Buletin ini diterbitkan oleh
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Ara 2 & 3, Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62677 PUTRAJAYA
Tel: 03-8886 4800 Fax: 03-8889 1627
Laman Web: www.esyariah.gov.my

Rasuah perlu dibanteras dari berleluasa kerana membawa kesan buruk kepada kesejahteraan masyarakat dan negara, di samping bertentangan dengan ajaran agama Islam serta nilai-nilai dan tatasusila murni kemanusiaan. Selain dari itu rasuah bukan sahaja merupakan gejala yang sangat dilarang dalam ajaran agama, tetapi ia juga boleh mencemarkan maruah negara serta kewibawaan Perkhidmatan Awam atau keperibadian individu terlibat dari kaca mata umum.

Ke arah itu penguatkuasaan undang-undang, kesedaran beragama dan pengetahuan masyarakat mengenai gejala rasuah hendaklah sentiasa dipertingkatkan bagi membanteras gejala itu dalam masyarakat. Antara definisi yang lain ada menyatakan bahawa rasuah itu bererti 'suapan, sogokan' atau dalam bahasa biasa 'tumbuk rusuk'. Selain daripada itu rasuah bererti amalan yang mementingkan diri sendiri yang mengabaikan kepentingan-kepentingan awam.

Dari segi amalan rasuah, ia bermaksud apabila ajaran agama dan moral, apabila ajaran-ajaran murni diabaikan maka setentunya amalan rasuah bertentangan atau menjejaskan integriti atau maruah Perkhidmatan Awam dan kerajaan. Kepentingan nasional merupakan kepentingan-kepentingan bersama untuk meneruskan hidup bermasyarakat, berkerajaan, bernegara dan seterusnya hidup dalam keadaan aman, selamat dan sejahtera.

Kehidupan yang aman, selamat dan sejahtera merupakan rahmat dari Allah, akan tetapi apabila rasuah dan gejala sosial tidak dicegah dan dibiarkan berleluasa maka Allah akan mengurniakan bala bukan sahaja kepada pelakunya, malah kepada semua orang yang tidak melakukannya juga akan turut terlibat. Pada masa yang sama jika berleluasa, kerajaan akan menjadi lemah, pemimpin bersama pemimpin bermasalah, rakyat bersama rakyat bermasalah yang akhirnya menggugat keamanan, keselamatan dan kesejahteraan.

Justeru itu, kita semua warga kerja institusi kehakiman Islam amat perlu kepada sikap berhati-hati terhadap gejala rasuah supaya sistem keadilan Islam terus terpelihara bagi menjamin keadilan kepada semua pihak tanpa sebarang prejudis.



PERUTUSAN

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Alhamdulillah, kita sekali lagi berkesempatan menjalani ibadat puasa di bulan Ramadhan pada tahun ini berkat nikmat kesihatan yang dikurniakan Allah S.W.T. Semua maklum ibadat puasa merupakan latihan menginsafi diri di samping ihsan terhadap nasib orang lain terutama kepada mereka yang tiada kemampuan.

Dalam kesempatan ini suka saya mengingatkan kepada diri saya sendiri dan semua warga kerja JKSM mengenai tanggungjawab tugas kita tidak seharusnya terbatas kerana ibadat puasa kerana Islam tidak menganjurkan umatnya menjadi malas dan lesu pada bulan Ramadhan hingga mengabaikan tugas yang telah diamanahkan. Sebaiknya di bulan ramadhan ini kita perlu menjalankan tugas dengan lebih bersungguh-sungguh kerana ruang masa untuk rehat dan makan minum boleh digunakan bagi menyelesaikan kerja.

Begitu juga dengan jadual perbicaraan kes, tidak sepatutnya kita mengurangkan jumlah kes untuk dibicarakan dengan alasan menghormati bulan Ramadhan. Malang sekiranya ada pendekatan sebegini di kalangan warga kerja kita. Tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan kepada kita perlu diselesaikan secepat mungkin kerana terdapat juga kes yang bukan berbentuk perceraian seperti hadhanah, nafkah isteri dan anak-anak perlu kita utamakan terutamanya memikirkan keperluan mereka menjelang Hari Raya Aidil Fitri.

Di dalam kesempatan ini juga, saya menyeru kepada semua supaya memandu dengan cermat dan berhati-hati ketika pulang berhariraya ke kampung halaman masing-masing. Kesabaran ketika memandu boleh menyelamatkan diri dan ahli keluarga kita.

Saya sekeluarga turut mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua warga kerja JKSM dan JKSN. Maaf Zahir dan Batin.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“SYARIAH ASAS KEADILAN”

(DATUK HAJJI IBRAHIM BIN LEMBUT)

2_dari Ketua Pengarang

3_perutusan Ketua Pengarah/
Ketua Hakim Syariah JKSM

9_FOKUS BULETIN
PERSIDANGAN TAHUNAN PEGAWAI
SYARIAH SELURUH MALAYSIA KALI
KE 10 TAHUN 2008

20_berita warga JKSM

AKTIVITI JKSM

5_lawatan kerja ke arkib negara

5_perhimpunan bulanan JKSM

6_mesyuarat penubuhan BSK

6_bengkel KMK

7_kunjungan Dr Siti Zalikhah ke JKSM

7_majlis tandatangan perjanjian ICT

8_majlis aku janji jurutektik komputer FT 17

lawatan kerja ke arkib negara



8 september 2008 / 8 ramadhan 1429h
arkib negara kuala lumpur



5 september 2008 / 5 ramadhan 1429h
bilik mesyuarat utama JKSM

perhimpunan bulanan JKSM

2_dari Ketua Pengarang

3_perutusan Ketua Pengarah/
Ketua Hakim Syariah JKSM

9_FOKUS BULETIN

PERSIDANGAN TAHUNAN PEGAWAI
SYARIAH SELURUH MALAYSIA KALI
KE 10 TAHUN 2008

20_berita warga JKSM

AKTIVITI JKSM

5_lawatan kerja ke arkib negara

5_perhimpunan bulanan JKSM

6_mesyuarat penubuhan BSK

6_bengkel KMK

7_kunjungan Dr Siti Zalikah ke JKSM

7_majlis tandatangan perjanjian ICT

8_majlis aku janji jurutektik komputer FT 17

lawatan kerja ke arkib negara



8 september 2008 / 8 ramadhan 1429h
arkib negara kuala lumpur



5 september 2008 / 5 ramadhan 1429h
bilik mesyuarat utama JKSM

perhimpunan bulanan JKSM

mesyuarat penubuhan
badan sokongan keluarga (BSK) JKSM



24 september 2008 / 24 ramadhan 1429h
bilik mesyuarat Ketua Pengarah JKSM



kumpulan meningkatkan mutu kerja (KMK)
JKSM

bengkel



15-17 september 2008/15-17 ramadhan 1429h
bilik mesyuarat utama JKSM

Kunjungan
Y.Bhg Datin Dr Siti Zulaikhah binti Md.Nor
ke JKSM



10 september 2008 / 10 ramadhan 1429h
pejabat Ketua Pengarah JKSM

12 september 2008 / 12 ramadhan 1429h
bilik mesyuarat utama JKSM



majlis menandatangani perjanjian
*Electronic Training Management
System* dengan Multimedia Synergy
Corporation

**PERSIDANGAN TAHUNAN
PEGAWAI SYARIAH SELURUH MALAYSIA
KALI KE 10**

26-28 Ogos 2008
24-26 Syaaban 1429H


Institut Latihan Sultan Ahmad Shah (ILSAS)
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Bangi
Selangor

Dirasmikan oleh:
YB. DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tema:
PEGAWAI SYARIAH DI ERA GLOBALISASI

Hari Pertama
26 Ogos 2008 / 24 Syaaban 1429H (Selasa)

- HARI PERTAMA | 26 Ogos 2008
- i) Pendaftaran Peserta
 - ii) Taklimat Persidangan oleh Ketua Pendaftar JKSM
 - iii) Mesyuarat Agung Persatuan Pegawai Syariah Malaysia



Hari Kedua // 27 Ogos 2008 / 25 Syaaban 1429H (Rabu)

Hari Kedua // 27 Ogos 2008 / 25 Syaaban 1429H (Rabu)



HARI KEDUA | 27 Ogos 2008

- i) Ucaptama Y.A.A. Datuk Haji Ibrahim bin Lembut
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM
- ii) CERAMAH I
Pegawai Syariah Di Era Globalisasi
Y.Bhg. Tan Sri Abdul Gani bin Patail
Peguam Negara Malaysia
Jabatan Peguam Negara
- iii) CERAMAH II
Pegawai Syariah Di Era Globalisasi
Y.Bhg. Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman
Penasihat Perundangan Syariah
Jabatan Peguam Negara
- iii) CERAMAH III
E-Syariah di Era Globalisasi
Wakil Sarawak Information Sdn.Bhd (SAINS)
- iv) *Perasmian Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia kali ke 10*
Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Hari Kedua // 27 Ogos 2008 / 25 Syaaban 1429H (Rabu)

Hari Kedua // 27 Ogos 2008 / 25 Syaaban 1429H (Rabu)



Y.A.A. Datuk Ibrahim bin Hj. Lembut
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM,

Pegawai yang tidak boleh menerima perubahan kepimpinan organisasi bukanlah ciri-ciri pegawai-pegawai yang cemerlang dan kebiasaannya mereka yang bersikap demikian mempunyai kepentingan diri kerana tidak mampu menerima perubahan baru yang pada anggapan mereka akan menjejaskan masa depan karier dan kerjaya mereka

Y.A.A. Datuk Haji Ibrahim bin Lembut,
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia




Y.B Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

PERSIDANGAN TAHUNAN
PEGAWAI SYARIAH SELURUH MALAYSIA
KALI KE 10

Bangi, 29 Ogos 2008 – Persidangan Tahunan Pegawai Syariah kali ke-10 telah diadakan pada 26-28 Ogos yang lalu bertempat di Institut Latihan Sultan Ahmad Shah (ILSAS) Bangi, Selangor. Persidangan selama 3 hari ini bertemakan “Pegawai Syariah Di Era Globalisasi”. Sepanjang persidangan ini berlangsung, ia telah banyak memberi peluang kepada para Pegawai Syariah seluruh Malaysia berbincang serta bertukar pandangan mengenai prospek dan hala tuju profesyen Pegawai Syariah. Pada sebelah malam 26 Ogos 2008, telah diadakan Taklimat Persidangan yang disampaikan oleh Y.Bhg Tuan Mohamad bin Hj Abdullah, Ketua Pendaftar dan diikuti Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM) bertempat di Auditorium Abu Zarim ILSAS. Seramai 253 orang Pegawai Syariah termasuk Sabah dan Sarawak menyertai persidangan ini. Selaras dengan tema “Pegawai Syariah Di Era Globalisasi”, persidangan ini merupakan platform kepada para Pegawai Syariah untuk berkongsi maklumat dan pandangan dalam pelbagai isu yang berkait rapat dengan institusi kehakiman syariah di negara ini.

Persidangan bermula pada 27 Ogos 2008, dimulai dengan ucapan daripada Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM, Y.A.A. Datuk Ibrahim bin Hj. Lembut dan seterusnya pembentangan kertas kerja yang disampaikan oleh penceramah-penceramah jemputan. Kemuncak acara persidangan ini ialah majlis perasmian dan makan malam yang diadakan pada 27 Ogos bertempat di Dewan Sri Makmur, ILSAS. Majlis ini juga adalah untuk meraikan sempena 10 tahun penubuhan JKSM. Y.B Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah sudi melapangkan masa merasmikan majlis ini. Para tetamu dihidangkan dengan paparan persembahan multimedia serta pelancaran buku Standard Operation Procedure (SOP) ICT JKSM sempena 10 tahun penubuhan JKSM. Sebanyak 4 kertas kerja telah dibentangkan oleh penceramah jemputan yang pakar dalam amalan guaman dan kehakiman syarie. Pembentangan kertas-kertas kerja ini merangkumi pelbagai isu seperti pegawai syariah di era globalisasi, isu permasalahan warga Islam Malaysia di luar negara serta konvensyen antarabangsa mengenai kanak-kanak dan wanita. Isu-isu ini disentuh kerana ia berkaitan dengan pembangunan negara yang semakin maju serta dunia tanpa sempadan kini, memberikan lebih banyak cabaran kepada pegawai syariah dalam menyelesaikan masalah serta isu yang berkaitan.

Y.A.A Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM, Datuk Ibrahim bin Hj. Lembut di dalam ucapan penutupnya berharap para peserta dapat mempelajari serta mendalami ilmu-ilmu demi kepentingan bersama sejajar dengan perubahan masa serta era dunia globalisasi yang semakin mencabar ini. Peserta harus bersedia untuk menghadapi apa jua cabaran dan rintangan demi untuk menegakkan kebenaran dan keadilan yang menjadi teras utama di dalam institusi kehakiman negara.



Y.Bhg Tan Sri Abdul Gani bin Patail,
Peguam Negara Malaysia
Jabatan Peguam Negara





Y.Bhg Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman
Penasihat Perundangan Syariah
Jabatan Peguam Negara

Y.Bhg Datuk Norhayati binti Sulaiman
Timbalan Ketua Setiausaha(Dasar)
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



PEGAWAI SYARIAH DI ERA GLOBALISASI

Saya amat kagum dengan kebolehan Pegawai Syariah yang telah menunjukkan kualiti kerja serta disiplin yang tinggi. Dalam pada itu, kebolehan dan kecemerlangan tersebut perlu lebih meluas kepada kebolehan berkomunikasi di dalam bahasa inggeris dalam meempuh era globalisasi. Tanpa kebolehan ini, amat sukar kecemerlangan dicapai.

**Tan Sri Abdul Gani bin Patail
Peguam Negara**

Perkhidmatan Pegawai Syariah kini lebih menyeluruh hingga menjangkau kepada beberapa Kementerian seperti Kementerian Pembangunan Wanita memandangkan Mahkamah Syariah amat dekat permasalahannya di kalangan wanita di negara ini.

**Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman,
Penasihat Perundangan Syariah,
Jabatan Peguam Negara**

Saya bersyukur kerana penerimaan umum terhadap penglibatan Pegawai Syariah diterima baik bukan setakat kepada permintaan di dalam negara malahan ada di kalangan Pegawai Syariah telah terpilih dalam Program Kajian di Universiti Oxford di London. Kita berharap lebih ramai Pegawai Syariah mampu mengikut jejak demikian.

**Y.A.A. Datuk Haji Ibrahim bin Lembut,
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia**

HARI KETIGA | 28 Ogos 2008

- i) *Isu-isu Permasalahan Warga Islam di Luar Negara*
Y.Bhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

- ii) *Konvensyen Antarabangsa Mengenai Kanak-kanak dan Wanita*
Y.Bhg. Datuk Norhayati bin Sulaiman
Timbalan Ketua Setiausah (Dasar)
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



Y.A.A. Datuk Ibrahim bin Hj. Lembut, Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM, bersama Y.A.A Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri.

SEKITAR
PERSIDANGAN TAHUNAN
PEGAWAI SYARIAH
KALI KE 10 TAHUN 2008



pertukaran pegawai JKSM

15 September 2008 / 15 Ramadhan 1429h
JKSM



Nama: Khairul Nizam bin Zainon
Jawatan: Pegawai Tadbir dan Diplomatik M48
Tarikh Bertukar: 15 September 2008
Tempat Bertukar: Jabatan Perkhidmatan Awam

5 September 2008 / 5 Ramadhan 1429h
bilik ketua pengarah JKSM

majlis aku janji juruteknik komputer FT 17 JKSM



NAMA

- Maryani binti Ahmad
- Ton Ahmad Zolani bin Ton Muhamad
- Nor Fatiha Radiah binti Md. Tahir
- Abu Bakar Siddek bin Abindin
- Abdul Rahim bin Mohamad Kamel
- Abd. Talib bin Rosni
- Noor Faizaytul Azira Exma binti Ibrahim
- Qamarul Akhyar bin Shafie Afandi
- Nur Najwa binti Shamsuddin
- Addawiah binti Ahmad
- Norazmah binti Hamzah
- Saharil bin Ali
- Norsaadah binti Sayuti
- Hasmidawate binti Muhamad
- Zulkhairi bin Ahmad
- Mohd. Yaniyusri bin Zainon
- Abdul Manaf bin Jamil

PENEMPATAN

- JKSM Putrajaya
- Terengganu
- Melaka
- Sabah
- Sarawak
- Sarawak
- Pahang
- Perak
- Negeri Sembilan
- Pulau Pinang
- Johor
- Johor
- Selangor
- Kelantan
- Perlis
- Sarawak
- Sabah